



3 Oktober 2019  
3 October 2019  
P.U. (A) 274

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(ELAUN MODAL) (KOS PEMBANGUNAN BAGI PERISIAN  
KOMPUTER YANG DIBUAT KHAS) 2019

*INCOME TAX (CAPITAL ALLOWANCE)  
(DEVELOPMENT COST FOR CUSTOMISED COMPUTER  
SOFTWARE) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL) (KOS PEMBANGUNAN BAGI PERISIAN KOMPUTER YANG DIBUAT KHAS) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b), 33(1)(d) dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal) (Kos Pembangunan bagi Perisian Komputer yang Dibuat Khas) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas” ertinya fi perunding, bayaran bagi hak pemilikan perisian dan fi sampingan yang berhubungan dengan pembangunan perisian komputer yang dibuat khas.

**Pemakaian**

3. (1) Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi seseorang pemastautin di Malaysia, berkenaan dengan kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas yang dilakukan oleh orang itu bagi maksud perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran mulai tahun taksiran 2018.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau tahun-tahun taksiran yang berkenaan hendaklah dianggap dilakukan oleh orang itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pada masa perisian komputer yang dibuat khas itu boleh digunakan bagi maksud perniagaannya.

**Elaun permulaan**

4. Orang yang disebut dalam kaedah 3 layak untuk mendapat elaun permulaan yang hendaklah bersamaan dengan satu per lima daripada kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas yang dilakukan.

**Elaun tahunan**

5. Orang yang disebut dalam kaedah 3 layak untuk mendapat elaun tahunan yang hendaklah bersamaan dengan satu per lima daripada kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas yang dilakukan.

**Ketidakpakaian**

6. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang yang telah melakukan kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika dalam tempoh asas tersebut orang itu layak dan telah menuntut, berkenaan dengan perisian komputer yang dibuat khas itu—

- (a) apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327];
- (b) apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta;
- (c) apa-apa potongan di bawah seksyen 34A Akta;
- (d) elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta;
- (e) elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (f) elaun modal dipercepat di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta; atau
- (g) pengecualian cukai di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan pendapatan berkanun orang

itu yang bersamaan dengan sebahagian atau keseluruhan amaun kos pembangunan bagi perisian komputer yang dibuat khas yang dilakukan oleh orang itu.

**Pembatalan**

7. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan yang Berhubung dengan Teknologi Maklumat) 2000 [*P.U. (A) 51/2000*] dibatalkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018.

Dibuat 27 September 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)JLD.14(SK.9); LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-3(Jld.2); PN(PU2)80/XCVI]

LIM GUAN ENG  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154 (2) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (CAPITAL ALLOWANCE) (DEVELOPMENT COST FOR CUSTOMISED  
COMPUTER SOFTWARE) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 154(1)(b), 33(1)(d) and paragraphs 10 and 15 of Schedule 3 to the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Capital Allowance) (Development Cost for Customised Computer Software) Rules 2019**.

(2) These Rules shall have effect from the year of assessment 2018.

**Interpretation**

2. In these Rules, “development cost for customised computer software” means consultation fee, payment for rights of software ownership and incidental fee relating to the development of customised computer software.

**Application**

3. (1) These Rules shall apply to a resident in Malaysia, in respect of development cost for customised computer software incurred by the person in the basis period for a year of assessment from the year of assessment 2018.

(2) For the purpose of these Rules, the development cost for customised computer software incurred in the basis period for a year of assessment or relevant years of assessment shall be deemed to be incurred by the person in the basis period for a year of assessment on which the customised computer software is capable of being used for the purpose of his business.

**Initial allowance**

4. The person referred to in rule 3 qualifies for an initial allowance which shall be equal to one fifth of the development cost for customised computer software incurred.

**Annual allowance**

5. The person referred to in rule 3 qualifies for an annual allowance which shall be equal to one fifth of the development cost for customised computer software incurred.

**Non-application**

6. These Rules shall not apply to a person who has incurred the development cost for customised computer software for a basis period for a year of assessment where during that basis period the person is eligible and has claimed, in respect of that customised computer software—

- (a) any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*];
- (b) any deduction under section 33 of the Act;
- (c) any deduction under section 34A of the Act;
- (d) reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act;
- (e) investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (f) accelerated capital allowance under any rules made under section 154 of the Act; or
- (g) tax exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of his statutory income which is equivalent to any part or the whole of the amount of the development cost for customised computer software incurred by the person.

**Revocation**

7. The Income Tax (Deduction for Information Technology-Related Expenditure) Rules 2000 [*P.U. (A) 51/2000*] are revoked with effect from the year of assessment 2018.

Made 27 September 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(S).18]LD.14(SK.9)]; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-3(Jld.2); PN(PU2)80/XCVI]

LIM GUAN ENG  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*